

Wujudkan mekanisme penetapan harga ayam



AGRI

sion

xcellence in

gy in

ABDUL RAHMAN memiliki pengalaman lebih 15 tahun dalam penyelidikan berkaitan virus ayam yang kerap menjangkiti ayam komersial.

Kosmo! Ahad: Boleh profesor jelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan harga ayam seperti yang berlaku baru-baru ini?

ABDUL RAHMAN: Seperti

Kenaikan harga ayam pada musim perayaan baru-baru ini bukan berpunca daripada wabak penyakit IB seperti yang didakwa sesetengah pihak.

ADOL RAHMAN: Seperti

Kenaikan harga itu didakwa berpunca daripada wabak penyakit infectious bronchitis atau bronkitis berjangkit (IB) yang menyebabkan berbil-bil ayam di ladang ternakan mati. KPDKN bagaimanapun menafikan perkara tersebut dan menganggap ia hanya spekulasi semata-mata kerana belum menerima sebarang maklum balas daripada mana-mana peruncit berkenaan kenaikan harga ayam.

Beberapa pakar dalam bidang perternakan ayam turut menolak dakwaan tersebut dan menyifatkan wabak itu sebagai kes terpencil dengan hanya enam insiden wabak IB dalam industri ternakan ayam komersial dan ayam kampung dilaporkan di seluruh negara iaitu satu kes di Kedah dan lima di Perak.

Bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai isu kenaikan harga ayam, wartawan **Kosmo! Ahad**, NOR IDAYU BOSRO menemu bual pakar imunologi dan penyakit ayam Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Rahman Omar sempena sidang akhbar Isu dan Permasalahan Kenaikan Harga Ayam di Dewan Pertanian, Fakulti Pertanian UPM, baru-baru ini.

Kosmo! Ahad: Boleh profesor jelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan harga ayam seperti yang berlaku baru-baru ini?

ABDUL RAHMAN: Seperti



diketahui umum, fenomena kenaikan harga ayam kerap berlaku terutamanya pada musim perayaan. Ini antara kemungkinan yang boleh berlaku apabila terdapat permintaan tinggi daripada pelanggan. Pada masa sama apabila musim perayaan, sering kali berlaku masalah penghantaran sekali gus menjelaskan bekalan. Dalam hal ini sudah tentu ada beberapa pihak tidak bertanggungjawab bertindak memanipulasi dan mengambil kesempatan mengaut untung berganda. Selain itu terdapat juga banyak faktor lain yang menyumbang kepada kenaikan harga bahan mentah itu. Antaranya termasuk kesediaan makanan ayam berkualiti yang banyak bergantung kepada jagung dan kacang soya import. Tidak dinafikan, kadang-kadang permintaannya terlalu tinggi sehingga bekalan tidak dapat dipenuhi. Jika berlaku perkara ini, penternak terpaksa membeli makanan ayam yang kurang berkualiti. Kesannya, ia boleh menjelaskan tumbesaran pada anak ayam. Jadi, penting untuk masyarakat di luar sana tahu bahawa kekurangan bekalan jagung dan kacang soya yang menjadi makanan utama ayam boleh menjadi antara salah satu faktor kepada kenaikan harga ayam.

Ada sesetengah pihak mendakwa kenaikan harga itu berpunca daripada wabak penyakit IB yang menyebabkan berbil-bil ayam di ladang ternakan mati. Apa komen profesor?

Sebenarnya penyakit bawaan virus atau

bakteria memang boleh menjangkiti ayam sama ada ayam daging, ayam telur, mahupun induk ayam atau baka ayam yang digunakan untuk menghasilkan anak ayam. Ini boleh berlaku baik di ladang komersial, bukan komersial selain turut berlaku pada ayam organik dan ayam kampung.

Pun begitu, penyakit IB bukanlah penyakit baru menyerang ternakan ayam di dalam negara ini kerana penyakit tersebut sudah dikesan sejak 1950-an lagi. Sehingga kini Kerajaan telah meluluskan lebih daripada 10 vaksin dan ubat untuk mencegah penyakit tersebut.

Kami turut mengesas beberapa penyakit lain yang menyerang induk ayam sejak tiga hingga empat bulan lalu. Apa yang berlaku, kami dapatkan virus penyakit itu memiliki kecenderungan untuk menindas sistem imun tubuh. Ini bermaksud apabila induk ayam dijangkiti virus, ia tidak mati tetapi sistem imunnya menjadi rendah. Apabila tercessusnya wabak, ia lebih mudah dijangkiti dan berisiko untuk mati. Dalam kes lain, induk ayam tidak menunjukkan tanda-tanda jangkitan tetapi kesannya terhadap anak ayam yang dihasilkan kerana tidak berkualiti untuk diternak. Ia mungkin mengalami masalah tumbesaran sama ada lambat membesar, pertumbuhan terbantut atau pertumbuhan tidak sekata.

Bagaimana penularan wabak penyakit pada ayam boleh mempengaruhi harga bahan mentah itu di pasaran?

Kalau ayam itu ada masalah misalnya tumbesarannya lambat, ia memerlukan lebih banyak makanan dan ini akan meningkatkan kos perternakan sekali gus meningkatkan harga ayam. Apabila dilihat daripada aspek penyakit pula, ia boleh menyerang anak ayam dan induk ayam. Apabila induk ayam dijangkiti penyakit, anak ayam yang dihasilkan berkualiti rendah atau kurang elok. Dalam kes ini, vaksin yang diberikan kadang-kadang tidak berupaya mengawal penyakit dengan sempurna kerana sistem imun anak ayam yang lemah. Ini menyebabkan anak ayam tersebut mudah terkena jangkitan penyakit. Akibatnya, penternak perlu menggunakan lebih banyak rawatan



PERMINTAAN tinggi terhadap ayam lebih-lebih lagi pada musim perayaan menjadi antara faktor harga bekalan mentah itu naik mendadak baru-baru ini. — Gambar hiasan

menurun tidak dan trend ini berlaku hampir setiap tahun. Pun begitu, hanya pada tahun ini, harga ayam naik terlalu mendadak dan kita harap ia tidak akan naik lagi. Justeru, saya harap ada mekanisme yang perlu diwujudkan bagi memastikan harga ayam dapat ditetapkan sepanjang tahun.

Dari segi jangka masa panjang, apa yang dilihat wajar dilakukan agar isu tidak berulang pada masa hadapan?

Saya bersetuju dengan cadangan pensyarah di Jabatan Sains Haiwan UPM, Prof. Madya Dr. Azhar Kasim yang mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu mekanisme penetapan harga ayam sepanjang tahun dalam menangani kenaikan harga tidak munasabah. Untuk mekanisme ini berjalan lancar, perlu ada badan-badan yang bantu dalam mendapatkan maklumat seperti naik turun harga makanan ayam, kos tenaga buruh, harga anak ayam serta input lain sebagai elemen dalam penetapan harga supaya ia tidak dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu. Kalau tidak ada mekanisme sebegini, kita khawatir harga ayam akan terus meningkat sehingga sukar dikawal dan sumber protein utama dan termurah negara akan terancam.

Apa yang boleh dilakukan bagi mengawal penularan wabak penyakit di ladang ternakan ayam?

Antara amalan yang boleh digunakan apabila berlaku keadaan sedemikian ialah perternak perlu memberi vaksin dan antibiotik untuk mengawal penularan wabak. Dalam situasi ini, mereka boleh guna vaksin yang diimport dari luar negara atau yang dihasilkan secara tempatan oleh penyelidik UPM sendiri. Pengurusan ladang yang betul juga mampu mengawal jangkitan penyakit. Contohnya ladang yang memiliki pengurusan baik sepertunya menunjukkan kadar kematian secara kumulatif kurang daripada 2 peratus. Kalau lihat perusahaan ayam ini, kita kena pastikan dari segi kualiti anak ayam, makanan dan pengurusan ladang yang mantap bagi memastikan ayam dapat dipasarkan dalam tempoh masa sepatutnya supaya ia tidak meningkatkan kos pengeluaran.

Pada pendapat profesor adakah harga ayam akan meningkat lagi dalam masa terdekat atau pada musim perayaan akan datang berdasarkan situasi semasa?

Industri ternakan ayam berhadapan dengan masalah berbeza hampir setiap tahun. Ada masalah penyakit dan pelbagai lagi perkara lain tetapi ia hanya kes terpencil. Kita tengok lima tahun kebelakangan ini, selesa musim perayaan harga ayam mula

EKSTRA

Prof. Dr. Abdul Rahman Omar

- Berumur 49 tahun
- Berasal dari Kluang, Johor
- Merupakan graduan Ijazah Doktor Perubatan Veterinar UPM pada tahun 1991
- Mendapat pendidikan tertinggi dalam Ijazah Doktor Falsafah di Cornell University, Ithaca, New York, Amerika Syarikat
- Menjadi profesor dalam bidang imunologi dan penyakit berjangkit ayam di UPM sejak 2009
- Pernah menjawat jawatan Timbalan Pengarah Institut Biosains UPM dari 2006 hingga 2011
- Kini merupakan Pengarah Institut Biosains UPM sejak 2011 sehingga sekarang
- Berpengalaman lebih 15 tahun dalam penyelidikan virus ayam yang kerap menjangkiti ayam komersial

Foto SAIFUL BAHARI ASHARI

UJAR Abdul Rahman, faktor kekurangan bekalan makanan ayam seperti jagung dan kacang soya yang diimport juga boleh menyebabkan harga ayam meningkat.

